

25 APR 1997

Mahathir-Israel

ISRAEL MINTA ADAKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN MALAYSIA

PETALING JAYA, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Israel selagi rejim Yahudi itu terus bermusuhan dengan Palestin.

Katanya Israel telah berkali-kali meminta untuk mengadakan hubungan diplomatik tetapi Malaysia tidak melayan permintaan itu kerana tidak berpuas hati dengan sikap rejim itu terhadap Palestin.

"Kita sudah katakan, kita tidak akan mengadakan hubungan diplomatik sehingga mereka ... tidak bermusuh dengan orang Palestin," katanya semasa sesi soal jawab pada simposium mengenai Dunia Islam dan Kerjasama Global: Persediaan untuk Abad ke-21 di sini.

Perdana Menteri berkata Israel tidak memberikan kebebasan kepada Palestin dan "sebab itu kita tidak mahu mengadakan hubungan dengan mereka".

Beliau menyatakan demikian ketika diminta menjelaskan hubungan Malaysia dengan Israel setelah pasukan kriket Isreal berada di negara ini baru-baru ini untuk menyertai satu pertandingan antarabangsa.

Dr Mahathir mengakui tindakan membawa pasukan kriket itu membuatkan ada orang yang marah kepada kerajaan walaupun usaha itu sebenarnya bertujuan membuka mata Israel terhadap kebaikan Islam di negara ini.

"Takkan kita pemimpin Islam berbuat begini semata-mata untuk merugikan orang Islam, merugikan perjuangan Palestin," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia telah menyokong perjuangan orang Palestin lebih daripada orang lain.

"Kita tidak akan mengkhianati perjuangan Islam tetapi perjuangan bukan semata-mata dengan tembak menembak, ada cara lain yang juga berupa perjuangan," katanya.

Dalam sesi itu, Dr Mahathir juga mengingatkan umat Islam supaya sentiasa berwaspada terhadap pelbagai bentuk imperialisme Barat termasuk menggunakan konsep globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

Katanya dengan menggunakan konsep ini dunia Barat yang kuat akan dengan mudah menyusup masuk dan mengalahkan negara Islam dalam semua bidang terutama bidang ekonomi, sains dan teknologi dan kemudiannya segenap kehidupan orang Islam.

-- BERNAMA

MT AZZ AHH